

NUZULMAIZATUL AFINIE BT MOHAMMAD AYOB  
PENSYARAH  
FESYEN DAN PAKAIAN  
KOLEJ KOMUNITI MANJUNG

**PAKAIAN  
TRADISIONAL  
MELAYU UNTUK  
LELAKI**



Imej dari sukns.blogspot.my

# BAJU KURUNG

Orang lelaki memakai dua jenis baju kurung iaitu baju kurung leher bulan dan baju kurung cekak musang yang juga dikenali dengan nama baju wan. Untuk baju kurung lelaki hanya 1 jenis pesak digunakan iaitu, pesak buluh. Baju kurung lelaki tidak menggunakan potongan Riau. Baju lelaki juga adalah lebih singkat daripada baju perempuan dan mempunyai 3 keping poket tampal.



# BAJU ALANG

Baju ini adalah baju basahan yang dipakai hari-hari oleh raja-raja dan pembesar-pembesar istana. Ia sejenis tunik yang ditebuk di bahagian leher supaya memudahkan pemakainya menyarungkan baju ini melalui leher, seperti ketika memakai baju kurung.

Baju alang ini juga dikenali dengan nama baju sarung; ia berlengan pendek, berleher bulat dan berbelah di tengah hadapan dan berkancing sebutir butang emas. Baju ini berlengan pendek.

# BAJU SIKAP



Baju Sikap ialah sejenis pakaian luar seperti jaket pendek. Ia dipakai di atas baju barat yang berkolar tinggi. Baju Sikap jenis ini dipakai oleh Kerabat DiRaja Kedah. Potongannya lurus dan longgar serta berpesak lurus di sebelah kiri dan kanan bahagian hadapan badan. Lengan baju juga longgar dan lurus. Leher Baju Sikap berkolar tinggi melebihi kolar Cekak Musang. Baju Sikap digayakan dengan seluar dan kain samping. Baju Sikap berbelah di hadapan dan tidak berbutang.

# BAJU TAKWA (MODEN)



Baju Takwa menyerupai Baju Sikap tetapi ia dipakai dengan kain sarong yang diikat gaya kain gombang. Ikatan kain gombang ialah kain sarong yang diselisihkan bahagian kiri ke kanan badan dengan lipatan yang lebar. Bahagian pinggang kain digulung ketat supaya kain tidak terlucut. Bengkung dan tali pinggang juga boleh digunakan untuk nampak lebih segak. Ia banyak dipakai oleh kaum India Muslim di Semenanjung Tanah Melayu.

Dalam tahun 1890-an baju ini mula di pakai dengan seluar dan kain samping.

Baju Takwa juga mempunyai kolar tinggi seperti baju Cina dan India. Bagaimanapun kolar baju tidak bertindan dan tidak perlu menggunakan butang. Ia dipengaruhi oleh jaket barat, di mana terdapat 2 poket tampal di bahagian dada. Baju Takwa berkemungkinan juga diilhamkan daripada jubah orang Arab. Biasanya ia menggunakan kain kapas yang tebal, bercorak petak, *kain Bugis* atau *kain pelikat* (dari India). Ikat kepala atau destar daripada kain batik Jawa atau kain kapas halus.

# BAJU MUSKAT



*Baju Muskat* is believed to originate from Yemen (Muzium Kedah, 2007). *Baju Takwa* could be one of the oldest styles in the Malay costumes. The Malay men started to wear this garment since 1800s. Based on Malay classical literatures, the costume was for a prince who was appointed to be the palace chief and for a bridegroom to wear on his wedding day (Siti Zainon, 2006). This would differentiate the status of an ordinary man to a prince. An ordinary man who was appointed as a palace chief would have to wear a *baju pandak* or *baju kurung kecil*.

# BAJU MENGAN


*Baju Sikap* (also known as *Baju Mengan*) paired with *Seluar Aceh*. In Kelantan, *Baju Sikap* was longer in length, wider collar stand and used one button. In Selangor and Kedah the length was shorter; only to waistline and used 7 to 9 buttons. Used in 19<sup>th</sup> century, *Baju Sikap* was a Royal dress for Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis and Patani.



# SELUAR ACHEH

Juga dikenali sebagai *seluar gunting Aceh* berasal dari Aceh, Sumatra. Sultan Aceh (1637) yang berasal dari Pahang telah memperkenalkannya ke Semenanjung Tanah Melayu.


Di sebelah pantai timur Tanah Melayu ia dinamakan *seluar pak sekera* yang diambil daripada nama ‘tenunan empat karap’ (Zubaidah, 1994, Norwani, 2002). Tenunan jenis ini menghasilkan jenis fabrik yang kukuh dan tebal sesuai untuk dijadikan seluar daripada sutera.



The trousers are knee length and the crotch is wide. The purpose is for easy movement, especially when performing the *silat*. *Seluar 'pak karap'* in Terengganu was made of *songket bunga tabur* (*songket* with scattered motifs) and the border of the trousers was specially designed with the motifs of *pucuk rebung* (bamboo shoot motifs).



*Seluar Acheh* yang berasal dari Aceh diperbuat daripada fabrik tenunan sutera yang dipanggil kain Acheh. Ukuran seluar ini adalah separas betis atau seluar tiga suku. Seluar ini dipakai dengan cara membawa kedua bahagian kiri dan kanan seluar ke tengah badan dan menggulung bahagian pinggang dengan kemas. Bahagian pinggang ini dikemaskan dengan kain bengkung atau tali pinggang daripada kain belacu yang panjang. Ia juga dikenali dengan nama *seluar gombang* (Siti Zainon, 2006).




# BAJU CINA OR BAJU PESAK SEBELAH

Baju ini mempunyai potongan badan yang menutupi sebelah bahagian badan satu lagi seperti potongan baju double breasted. Ia banyak dipakai oleh orang-orang Cina dan kemudiannya di adaptasi oleh orang Melayu. Ia mempunyai kolar tinggi selebar 2 jari dan berpoket. Baju jenis ini mempunyai lengan yang longgar dan panjang hingga ke pergelangan tangan.



# SELUAR GUNTING CINA




Seluar jenis ini juga dipakai oleh orang Cina dan diadaptasi dalam kegunaan pakaian Melayu. Potongan seluar longgar dan lurus dan mempunyai pesak yang berbeza daripada seluar Aceh.



# SELUAR PANTALOON

Juga dikenali dengan nama *seluar Pakistan* atau *seluar Kabul* (Mohd Said, 1933). *Seluar pantaloon* adalah adaptasi daripada seluar yang dipakai oleh pegawai-pegawai British. Pada mulanya ia dipakai oleh keluarga diRaja sahaja. Lama-kelamaan ia mula dipakai oleh rakyat yang berkedudukan dan bekerja dengan orang-orang British.



# BAJU KEHORMATAN BARAT

Baju ini dipengaruhi oleh budaya barat yang diambil daripada cara pakaian dan potongan daripada jaket Barat yang bertutup di bahagian leher. Menurut buku *Pakai Patut Melayu*, ia mula dipakai di awal abad ke 20 oleh raja-raja dan orang-orang besar Melayu di Johor dan Singapura. Pakaian ini diadaptasi dengan gaya pakaian Melayu dengan padanan seluar pantaloan, kain samping dan bersongkok.



# PEMAKAIAN KAIN SAMPING

Mempunyai falsafah dan makna tersendiri, santun dan tertib; melindungi aurat mengikut falsafah dan prinsip Islam dan tanda kehormatan diri.

Cara pakai iaitu labuh samping hingga ke lutut dan dengan meletakkan hujung kain samping sebelah kiri di bawah dan kanan sebelah atas dalam kedudukan qiam dalam solat.

Samping mempunyai kepala, kaki dan badan kain. Ia bermula dari zaman awal kerajaan Melayu seoerti Palembang, Jambi, Pagar Ruyung dan Kesultanan Melayu Melaka. Cara pakai yang berbeza antara bangsawan, raja-raja dan orang kebanyakan.

Larangan bagi orang kebanyakan – memakai samping ikat pancung atau dilarang bertengkolok dan berbaju sarung, kecuali selepas dianugerahkan oleh raja.



# IKAT KAIN PANCUNG

Lelaki bujang memakai kain samping 2 jari daripada lutut. Sementara lelaki yang sudah berkahwin memakai samping di paras lutut atau 2 jari di bawah paras lutut. Bagi orang bangsawan, labuh samping adalah di paras lima jari daripada paras lutut (sepelempap/satu tapak tangan). Ikatan samping yang biasa digunakan ialah ikat lingkup seperti menggunakan kain sarung. Ikatan kain samping penganti berbeza daripada ikat samping biasa; ia sedikit kembung dan membentuk ‘bunga’. Ikatan kain pancung pula menggunakan kain lepas, yang dililit di bahagian pinggang dan hujung kain dilepaskan tergantung.

Kain samping boleh dipakai di bawah atau sebelah atas baju dan dikenali sebagai dagang dalam atau dagang luar.

Bagi pengantin lelaki, kedudukan bunga ikat samping ini membawa makna lelaki tersebut bujang atau duda.



# AKSESORI KEPALA BAGI LELAKI

Destar - setangan kepala, tengkolok, tanjak, kain (ikat) kepala

Setanjak – tengkolok

Songkok – bentuk bujur, biasanya diperbuat daripada kain baldu

Kopiah – bentuk bulat mengikut bentuk kepala, daripada kain dan lebih digemari oleh orang-orang tua.

Semutar - kain pelilit kepala yang banyak digunakan di sebelah pantai timur Malaysia.



Jenis-jenis semutar di Kelantan